



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 1 /2020**

**MENUKAR NAMA TUAN PUNYA TANAH DAN LAIN-LAIN SEBELUM  
MENDAFTARKAN SURATCARA URUSAN**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2020**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2020

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2020
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	17 Julai 2020

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

## **PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 1/2020**

### **Menukar Nama Tuan Punya Tanah Sebelum Mendaftarkan Suratcara Urusan**

Pekeliling ini adalah untuk menasihati Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai kepentingan mengambil tindakan di bawah seksyen 378 Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 [Akta A 1516] sebelum meneruskan tindakan pendaftaran suratcara urusan yang disertakan dengan bukti mengenai pertukaran nama.

2. Maksud seksyen 378 Kanun Tanah Negara 1965 ialah untuk membolehkan apa-apa perubahan butiran seperti nama oleh tuan punya tanah yang tertulis di dalam sesuatu dokumen hakmilik itu dipinda seperti menukarkan ejaan nama, menukar nama atau menambahkan gelaran keturunan pada nama, memasukkan atau perubahan nombor kad pengenalan diri lama dan baru, nombor pasport dan status kewarganegaraan pemilik berdaftar. Diharapkan supaya tindakan diambil untuk memasukkan dan mengubah perkara-perkara tersebut di atas dengan serta-merta apabila berlaku sesuatu perubahan. Dengan ini secara langsung daftar hakmilik tanah akan dapat dikemas kini. Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah perlulah mengambil ingatan bahawa tindakan-tindakan berikut hanya dilaksanakan menurut kepada aturan giliran seperti berikut:

- 2.1 Tindakan mengubah nama tuan punya tanah dan lain-lain ; atau
- 2.2 Tindakan mendaftar surat urusan.

3. Sehubungan itu, adalah mustahak dan mandatori ditentukan tindakan mengubah perkara di perenggan 2 hendaklah didahulukan dari tindakan mendaftar surat cara urusan. Suratcara yang demikian bolehlah diterima untuk pendaftaran tetapi Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah perlulah mengambil ingatan bahawa tindakan-tindakan berikut hanya dilaksanakan menurut kepada aturan giliran seperti berikut:

- 3.1 Mengutip bayaran bagi tindakan mengubah nama tuan punya tanah dan lain-lain urusan yang berkaitan;
- 3.2 Mengutip bayaran pendaftaran suratcara urusan;
- 3.3 Mengemukakan dokumen seperti surat ikatan pol, surat isytihar, sijil rasmi, akaun berkanun atau sebaliknya yang jelas membuktikan perubahan nama untuk tujuan rekod dan semakan ;
- 3.4 Apabila mengubah nama tuan punya hendaklah membuat satu memorial dalam dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran;
- 3.5 Menyimpan dokumen yang membuktikan perubahan nama untuk tujuan rekod; dan
- 3.6 Menimbangkan sama ada suratcara urusan itu layak didaftarkan atau tidak.

4. Perlu diambil perhatian iaitu dokumen yang membuktikan perubahan nama dan lain-lain tidak boleh disimpan bersama dengan suratcara itu memandangkan kepada tujuan seksyen 378 Kanun Tanah Negara seperti yang diterangkan di atas. Tambahan pula dokumen itu adalah bukannya satu dokumen yang perlu disertakan dengan suratcara di bawah seksyen 294(2) Kanun Tanah Negara.

5. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah dikehendaki mengambil perhatian iaitu tindakan-tindakan di perenggan-perenggan 3 di atas patut diambil jika sesuatu suratcara urusan itu disertakan dengan bukti jelas mengenai perubahan nama dan lain-lain.

6. Pekeliling KPTG Bil. 5/1980 (Disemak 2009) adalah dengan ini dibatalkan. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.



**(DATO' AHMAD ZAHARIN BIN MOHD SAAD)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.5( 1 )

Tarikh : 17 Julai 2020